




GARISPANDUAN PERMOHONAN PENGIMPORAN TUMBUHAN, PRODUK TUMBUHAN DAN ARTIKEL TERKAWAL (ANALISIS RISIKO PEROSAK) (PEST RISK ANALYSIS, PRA)



Bil	Kandungan	Muka surat
1.	Latar Belakang	2
2.	Analisis Risiko Perosak (Pest Risk Analysis, PRA)	4
3.	Jawatankuasa PRA	7
4.	Carta Alir	9
5.	Tatacara	11
	Lampiran	
i.	Borang Permohonan Pengimportan Tumbuhan, Produk Tumbuhan dan Artikel Terkawal	13
	- Maklumat Tambahan Permohonan Pengimportan Bahan Tanaman bagi Tujuan Penyelidikan	18
	- Maklumat Tambahan Permohonan Pengimportan Sampel Tanah bagi Tujuan Penyelidikan	21
ii.	Permohonan Teknikal Dokumen Daripada NPPO Negara Pengeksport	24

LATAR BELAKANG

Pengimportan sesuatu **tumbuhan** (spesis tanaman atau bahagian-bahagian bahan tanaman sama ada untuk dibiakkan, hiasan atau pembuatan), **produk tumbuhan** dan **artikel terkawal** (tanih, media tanaman, bahan organan, mikroorganisma dan organism berfaedah dan perosak tanaman) ke Malaysia adalah tertakluk kepada keperluan Import Permit di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan – Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981.

Kelulusan permohonan pengimportan tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal adalah bergantung kepada Laporan Analisis Risiko Perosak (Pest Risk Analysis, PRA) dan Jawatankuasa PRA. PRA dijalankan bagi menilai impak biologi/saintifik dan ekonomi untuk menentukan sama ada sesuatu perosak perlu pengawalan dan penguatkuasaan langkah – langkah fitosanitasi (Phytosanitary measure) sebagai pencegahan - *Glossary of phytosanitary terms, ISPM No. 5.*

PRA adalah satu proses yang merangkumi 3 peringkat iaitu (1) *initiation of the PRA through identification of a pest or pathway, or review or revision of an existing phytosanitary policy*, (2) *pest risk assessment*, and (3) *pest risk management*. *Risk communication* adalah komponen penting yang berlaku di setiap peringkat. Secara teknikalnya, langkah – langkah fitosanitasi yang dilaksanakan oleh sesebuah negara untuk mengatasi risiko – risiko perosak tertentu adalah pengesyoran daripada laporan PRA.

Selaras dengan **Akta Kuarantin Tumbuhan 1976, Peraturan - Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 dan *International Standards For Phytosanitary Measures (ISPM) No.2 dan 11 (Pest risk analysis for quarantine pests, including analysis of environmental risks and living modified organisms)***; semua pengimportan **artikel terkawal, tumbuhan dan produk tumbuhan** dalam keadaan di bawah akan terlebih dahulu dijalankan **Analisis Risiko Perosak (Pest Risk Analysis, PRA)** :

- i. Komoditi baru, yang belum pernah import dari mana-mana negara ;
- ii. Pengimportan dari negara selain daripada negara yang telah dibenarkan pengimportan sebelumnya ;
- iii. Bentuk komoditi baru (description form) ;
- iv. Semakan syarat-syarat pengimportan sedia ada apabila terdapat maklumat baru yang menunjukkan syarat-syarat pengimportan sedia ada tidak memenuhi keperluan Sanitary & Phytosanitary (SPS) negara ;
- v. Terdapat pemintasan samada perosak kuarantin dan bukan kuarantin termasuk artikel terkawal dan lain-lain *contaminant* di pintu masuk - pengimportan daripada pengimport yang tidak mematuhi syarat-syarat pengimportan akan digantung sementara; atau;
- vi. Terdapat laporan kemerebakkan perosak kuarantin di negara pengeksport - semua pengimportan konsainan tersebut dari negara pengeksport yang terlibat akan digantung serta-merta.

Oleh yang demikian, bagi menentukan kelulusan sesuatu permohonan pengimportan, Jabatan Pertanian perlu mendapatkan **Teknikal Dokumen** termasuk senarai perosak dari **Pihak Berkuasa Kuarantin Negara Pengeksport (National Plant Protection Organization, NPPO)** untuk menjalankan PRA.

Kepentingan pengawalan dan penguatkuasaan langkah – langkah fitosanitasi adalah untuk :

- i. Melindungi biodiversiti negara daripada pengenalan dan penyebaran perosak asing merbahaya; dan
- ii. Memastikan sesuatu pengimportan itu tidak membawa risiko kemasukan perosak asing berbahaya ke negara ini yang boleh menjejaskan sektor pertanian, perhutanan serta mengancam industri hiliran yang berpotensi eksport yang penting bagi pembangunan negara secara langsung atau tidak langsung.

Kemasukkan perosak asing merbahaya boleh mengancam ekosistem dan habitat semulajadi di sesebuah negara. Sebagai contoh Rumput Miang Mexico (*Parthenium hysterophorus*) bukan sahaja memberi kesan kepada ekosistem semulajadi, ianya juga menyebabkan alahan kepada manusia dan haiwan yang boleh membawa kepada kematian. Oleh yang demikian, langkah – langkah pencegahan adalah penting bagi membendung kemasukkan perosak asing merbahaya ke dalam negara.

Pemohon/Pengimport dinasihatkan supaya menghantar borang permohonan pengimportan (tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal) seperti di Lampiran 1 kepada Unit Kawalan Import & PRA, Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Malaysia bagi permohonan pengimportan baru.

Bagi mana – mana tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal yang telah dijalankan PRA dan diluluskan oleh Jawatankuasa PRA, ianya akan didaftarkan ke dalam sistem ePermit DagangNet. Permohonan Permit Import adalah secara dalam talian melalui sistem ePermit DagangNet. Berkuatkuasa 1 November 2018, pengeluaran Permit Import telah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Malaysian Quarantin and Inspection Services, MAQIS).

Pemohon/Pengimport perlu berdaftar dengan Syarikat Perkhidmatan iaitu DagangNet Technologies Sdn Bhd untuk mendapatkan *username* dan kata laluan ke dalam sistem ePermit DagangNet. Pemohon/Pengimport boleh memohon menggunakan komputer persendirian tanpa perlu hadir ke kaunter Jabatan. Pemohon/Pengimport boleh mencetak Permit Import yang telah diluluskan dalam tempoh 5 hari bekerja.

ANALISIS RISIKO PEROSAK

1. INITIATION DAN RISK ASSESSMENT

Perkara – perkara asas yang perlu dipertimbangkan sebelum memulakan sesuatu Analisis Risiko Perosak adalah penentuan status pathway, perosak/penyakit tumbuhan dan polisi bagi sesuatu permohonan pengimportan tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal.

Penentuan status pathway adalah berdasarkan :

- i. Komoditi yang dimport (An imported commodity)
- ii. Bentuk pengangkutan dan penyimpanan komoditi semasa pengimportan (a means of transportation or storage)
- iii. Pembungkusan atau apa – apa artikel yang diimport bersama komoditi (packaging, or other articles associated with the commodity)
- iv. Penyebaran perosak/penyakit secara semulajadi (a natural means of spread, e.g., wind)

Penentuan status perosak/penyakit tumbuhan adalah berdasarkan data pintasan perosak, laporan perosak baru di negara pengkesport, laporan kemerebakan perosak di negara pengeksport, dan penemuan perumah baru bagi perosak berjadual yang berpotensi menyebabkan kerugian yang tinggi kepada industri pertanian negara.

Semakan borang permohonan dan maklumbalas kepada pemohon akan dibuat selepas pertimbangan perkara – perkara asas seperti di atas. Setiap permohonan akan direkodkan dan difailkan. Bagi mana – mana permohonan yang telah lengkap, Jabatan Pertanian akan membuat permohonan tenikal dokumen (Lampiran 2) daripada NPPO negara pengeksport. Pada masa yang sama, Jabatan Pertanian akan mendapatkan maklumat-maklumat dari *literature finding* yang berkaitan dengan permohonan pengimportan artikel terkawal, tumbuhan atau produk tumbuhan dari segi :

- i. Status pengimportan dalam sistem ePermit,
- ii. Morfologi artikel terkawal, tumbuhan atau produk tumbuhan,
- iii. Status artikel terkawal, tumbuhan atau produk tumbuhan dari segi rumpai (weediness assessment berdasarkan 10 journal dan lain-lain artikel)
- iv. Perosak (serangga, nematod, rumpai)
- v. Penyakit (virus, bakteria, fungus, viroid)
- vi. Contoh maklumat syarat pengimportan komoditi berkenaan yang dikenakan oleh negara-negara pengimport yang lain.
- vii. Perbincangan dari segi PRA dengan pakar-pakar perosak, penyakit, rawatan kuarantin dan lain-lain.

Setelah semua maklumat diperolehi, permohonan pengimportan akan dibawa masuk ke **Jawatankuasa PRA Teknikal dan Induk (kali ke-1)** untuk **perbincangan awal dan untuk tindakan selanjutnya** yang

perlu diambil oleh Jabatan (PRA, lawatan rasmi pemeriksaan kuarantin di negara pengeksport (*fact finding* atau *Verification of Compliance, VOC*).

Bagi permohonan pengimportan yang memerlukan lawatan rasmi pemeriksaan kuarantin di negara pengeksport (*fact finding* atau *Verification of Compliance, VOC*) di negara pengesport, penentuan tarikh dan persiapan lawatan pemeriksaan kuarantin *fact finding* atau *Verification of Compliance (VOC)* akan dibuat bersama dengan wakil pengimport pengeksport dan NPPO pengeksport (NPPO pengeksport perlu mengatur tarikh dan tentatif lawatan tersebut). Laporan lawatan tersebut akan disediakan dalam tempoh 1 bulan selepas pulang dari lawatan tersebut. Laporan akan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan PRA Induk untuk keputusan selanjutnya.

2. RISK COMMUNICATION

Risk communication adalah komponen penting yang berlaku di setiap peringkat dimana ianya melibatkan kerjasama antara Jabatan Pertanian, NPPO negara pengeksport, pengimport, pengeksport, pakar – pakar dan lain – lain agensi.

Selepas tempoh **3 bulan daripada tarikh surat memohon Teknikal Dokumen** daripada NPPO pengeksport masih belum diterima Jabatan Pertanian, Jabatan akan mengeluarkan **satu surat peringatan** kepada NPPO pengeksport mengenai status Teknikal Dokumen.

3. RISK MANAGEMENT

Dalam tempoh tersebut, sementara menunggu teknikal dokumen diterima daripada NPPO pengeksport, **Unit Kawalan Import & PRA** sebagai **urusetia Jawatankuasa PRA** akan menyiapkan maklumat, senarai dan rujukan perosak dan komoditi berdasarkan kepada maklumat-maklumat dan *literature finding* yang diperolehi. Laporan lengkap Analisis Risiko Perosak akan dibentangkan kepada JK Kelulusan PRA.

Pertimbangan Jawatankuasa Kelulusan PRA

- i. Permohonan pengimportan akan dibawa ke Jawatankuasa Teknikal PRA Teknikal dan Induk **untuk kali ke-2** bagi perbincangan dan keputusan selanjutnya berdasarkan kepada penyediaan maklumat dan laporan PRA yang disediakan oleh urusetia Jawatankuasa PRA dan Pasukan Petugas PRA.
- ii. Keputusan kelulusan pengimportan adalah tertakluk kepada Jawatankuasa PRA. Jika maklumat masih belum mencukupi, urusetia Jawatankuasa PRA akan membuat permohonan maklumat tambahan daripada NPPO pengeksport. Analisis Risiko Perosak akan diteruskan dengan maklumat – maklumat tambahan yang diberikan oleh NPPO negara pengeksport.
- iii. Laporan verifikasi premis untuk tujuan kuarantin selepas masuk (Post Entry Quarantine, PEQ), penyelidikan dan lain – lain tujuan yang berkaitan (yang dikeluarkan oleh Unit Penyaringan Biosekuriti Tumbuhan, Seksyen Kawalan Import dan Penguatkuasaan Akta) adalah mematuhi syarat – syarat yang ditetapkan. Tempoh sah laku verifikasi premis tersebut adalah 2 tahun dari tarikh keluar surat pematuhan.

- iv. Jika kelulusan pengimportan telah diberikan, syarat pengimportan akan dimajukan kepada NPPO pengeksporth melalui surat untuk komen atau maklumbalas dan satu salinan surat kepada pengimport. Tempoh untuk komen atau maklumbalas syarat-syarat pengimportan daripada NPPO pengeksporth kepada Jabatan Pertanian adalah 3 bulan.
- v. Selepas 3 bulan daripada tarikh surat rasmi komen atau maklumbalas syarat-syarat pengimportan dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian, syarat-syarat pengimportan berkenaan akan dimasukkan ke dalam sistem ePermit dan organisasi/pengimport/pengeksporth/agen penghantar atau mana-mana individu bolehlah memohon Permit Import (Import Permit, IP) secara *online*.
- vi. Organisasi/pengimport/pengeksporth/agen penghantar atau mana-mana individu perlu mendapatkan IP terlebih dahulu dan mematuhi syarat-syarat pengimportan di dalam IP sebelum kapal konsainan berlepas daripada pintu keluar negara pengeksporth.

JAWATANKUASA KELULUSAN PERMOHONAN PENGIMPORAN

Pengerusi : Pengarah Bahagian Biosekuriti Tumbuhan

Ahli-ahli :

1. Semua Ketua Seksyen
2. Ketua Unit atau wakil unit di seksyen

Urusetia : Unit Kawalan Import & PRA

A. Jawatankuasa Induk PRA dan Jawatankuasa Teknikal PRA

Jawatankuasa PRA ini akan dianggotai oleh pegawai-pegawai Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Terma dan Rujukan (Term of Reference) **Jawatankuasa Induk PRA** adalah seperti berikut :

- i. Bertanggungjawab menentukan PRA dan menentukan syarat-syarat pengimportan komoditi / tanaman yang belum pernah diimport.
- ii. Bertanggungjawab mengemaskini dan menentukan syarat-syarat pengimportan yang sedia ada.
- iii. Menentukan bahawa PRA yang dijalankan dan syarat-syarat yang dikenakan ke atas pengimportan sesuatu komoditi / tanaman memenuhi prosedur fitosanitasi terkini selaras dengan kehendak-kehendak ISPM, Akta dan Peraturan Kuarantin Tumbuhan.
- iv. Kekerapan mesyuarat bergantung kepada permohonan.

Terma dan Rujukan (Term of Reference) **Jawatankuasa Teknikal PRA** adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan maklumat-maklumat PRA dan pengesyoran yang perlu untuk komoditi / tanaman seperti nama tanaman, perosak dan penyakit, bahan-bahan yang dilarang, jemplasma yang dikawal dan tanaman yang dikawal secara spesifik.
- ii. Menyediakan pengesyoran jenis tanaman yang dikuarantinkan, tempat kuarantin dan Stesyen Kuarantin Selepas Masuk Kebangsaan (PEQ).
- iii. Menetapkan syarat dan prosedur untuk pengimportan bahan larangan, membawa masuk untuk tujuan transit atau untuk tujuan komersial.
- iv. Menetapkan syarat import untuk bahan yang memerlukan pemeriksaan kuarantin dan rawatan yang perlu dijalankan serta fee yang dikenakan, sijil fitosanitasi untuk re-eksport dan dokumen berkaitan
- v. Membuat pengesyoran untuk pindaan akta, peraturan, undang-undang, notifikasi dan garis panduan kuarantin tanaman di bawah Akta dan Peraturan berkaitan
- vi. Kekerapan mesyuarat bergantung kepada permohonan


Tugas dan tanggungjawab **Jawatankuasa Induk PRA** adalah seperti berikut :


- a) Melantik mana-mana pakar yang bersesuaian dengan bidang tertentu
- b) Mengesahkan senarai-senarai perosak yang perlu dikawalselia dan dikenakan tindakan fitosanitasi
- c) Mengarahkan pegawai untuk menjalankan tugas *fact finding* dan *pre clearance* di negara pengeksporth
- d) Berkomunikasi dengan pengimport, pengeksporth dan NPPO negara pengeksporth
- e) Mengesahkan laporan Analisis Risiko Perosak bagi memulakan analisa mitigasi risiko perosak
- f) Mengarahkan pegawai untuk menyediakan analisa mitigasi risiko perosak dan prosedur serta syarat-syarat import
- g) Mengesahkan analisa mitigasi risiko perosak dan prosedur serta syarat-syarat import

Tugas dan tanggungjawab **Jawatankuasa Teknikal PRA** seperti di bawah :

- a) Menghasilkan senarai perosak endemik, kuarantin dan perosak bukan kuarantin terkawal
- b) Mengesyorkan kategori dan jenis perosak serta bahagian tumbuhan yang diserang
- c) Prosedur dan syarat pengimportan bahan terkawal yang dibenarkan diimport
- d) Pengesyoran untuk pindaan akta, peraturan, undang-undang, notifikasi dan garis panduan kuarantin tumbuhan di bawah Akta Biosekuriti Tumbuhan
- e) Kecepatan mesyuarat : sekurang-kurangnya sebulan sekali atau jika perlu (bergantung kepada permohonan)

Dokumen/maklumat/*literature finding* berkaitan yang disediakan/dikumpul oleh urusetia akan diberikan sebulan sebelum mesyuarat diadakan untuk ahli-ahli mesyuarat/pakar-pakar menyemak dokumen/maklumat permohonan.





Nota :

- PEQ - Post-entry quarantine / kuarantin selepas masuk
- PRA - Pest Risk Analysis/Analisis Risiko Perosak
- J/K - Jawatankuasa PRA

TATACARA PERMOHONAN PENGIMPORAN TUMBUHAN, PRODUK TUMBUHAN DAN ARTIKEL TERKAWAL

BIL	PROSIDUR	TINDAKAN
1.	Permohonan diterima	Urusetia PRA
2.	Semakan & penilaian permohonan i. Baja organik/produk mikrob ii. Tumbuhan, Produk Tumbuhan dan artikel terkawal	Urusetia PRA Jawatankuasa JKTPMOBO Jawatankuasa PRA
3.	Semakan permohonan samada perlu PRA atau tidak	Urusetia PRA
	Perlu PRA:- 1.Pengesahan permohonan. 2.Memohon maklumat pengimportan daripada pengimport (Rujuk: Lampiran 1) 3.Mengumpul maklumat komoditi/perosak dari rujukan 4. Memohon teknikal dokumen drpd NPPO Negara pengeksport (Lampiran 2) dan salinan surat permohonan kepada pengimport 5. Permohonan teknikal dokumen daripada NPPO dalam tempoh 3 bulan sekiranya teknikal dokumen belum diterima.	Urusetia PRA
4.	Semakan dokumen permohonan (maklumat pengimportan, maklumat komoditi/perosak dan teknikal dokumen) A) Lengkap - Diserahkan kepada Jawatankuasa Teknikal untuk di buat penilaian PRA B) Tidak lengkap - Mendapatkan dokumen keperluan PRA daripada pengimport dan NPPO Negara Pengeksport	Urusetia PRA
5.	Penyediaan Laporan Penilaian PRA (Format) - Pengesyoran A) Lulus - penyediaan syarat import B) Lulus Bersyarat : - Verification of Compliance (VOC) (penyediaan syarat import) - PEQ (penyediaan syarat import) C) Fact Finding (maklumat tidak mencukupi) D) Tidak Lulus	Jawatankuasa Teknikal PRA

BIL	PROSIDUR	TINDAKAN
6.	<p>Kelulusan Permohonan Pengimportan berdasarkan syor Jawatankuasa Teknikal PRA</p> <p>A) Lulus - penyediaan syarat import</p> <p>B) Lulus Bersyarat - Fact Finding (maklumat tidak mencukupi) - Verification of Compliance (VOC) (penyediaan syarat import) - PEQ (penyediaan syarat import)</p> <p>C) Tidak Lulus</p>	Jawatankuasa Induk PRA

BORANG PERMOHONAN PENGIMPORAN TUMBUHAN, PRODUK TUMBUHAN DAN ARTIKEL TERKAWAL

1. Selaras dengan **Akta Kuarantin Tumbuhan 1976, Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981** dan ***International Standards For Phytosanitary Measures (ISPM) No.2 dan 11 (Pest risk analysis for quarantine pests, including analysis of environmental risks and living modified organisms)***; semua pengimportan **artikel terkawal, tumbuhan dan produk tumbuhan** dalam keadaan di bawah akan terlebih dahulu dijalankan **Analisis Risiko Perosak (Pest Risk Analysis, PRA)** :

- i. Komoditi baru, yang belum pernah import dari mana-mana negara ;
- ii. Pengimportan dari negara selain daripada negara yang telah dibenarkan pengimportan sebelumnya ;
- iii. Bentuk komoditi baru (description form) ;
- iv. Semakan syarat-syarat pengimportan sedia ada apabila terdapat maklumat baru yang menunjukkan syarat-syarat pengimportan sedia ada tidak memenuhi keperluan *Sanitary & Phytosanitary (SPS)* negara ;
- v. Terdapat pemintasan samada perosak kuarantin dan bukan kuarantin termasuk artikel terkawal dan lain-lain *contaminant* di pintu masuk - pengimportan daripada pengimport yang tidak mematuhi syarat-syarat pengimportan akan digantung sementara;
atau;
- vi. Terdapat laporan kemerebakkan perosak kuarantin di negara pengeksport - semua pengimportan konsainan tersebut dari negara pengeksport yang terlibat akan digantung serta-merta.

Oleh yang demikian, bagi menentukan kelulusan sesuatu permohonan pengimportan, Jabatan Pertanian perlu mendapatkan **Teknikal Dokumen** termasuk senarai perosak dari **Pihak Berkuasa Kuarantin Negara Pengeksport (National Plant Protection Organization, NPPO)** untuk menjalankan PRA. Ini bertujuan untuk memastikan sesuatu pengimportan itu tidak membawa risiko kemasukan perosak asing berbahaya ke negara ini yang boleh menjejaskan sektor pertanian, perhutanan serta mengancam industri hiliran yang berpotensi eksport yang penting bagi pembangunan negara secara langsung atau tidak langsung.

2. Semua organisasi/pengimport/pengeksport/agen penghantar atau mana-mana individu yang berminat untuk mengimport artikel terkawal, tumbuhan dan produk tumbuhan adalah **DINASIHATKAN** untuk menghantar surat rasmi permohonan pengimportan untuk tindakan selanjutnya yang mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut :

Bil.	MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN DARIPADA ORGANISASI/PENGIMPORT/PENGEKSPORT/AGEN PENGHANTAR ATAU MANA-MANA INDIVIDU	Tandakan (v) jika berkaitan
1.	Nama dan alamat penuh pengimport (No. Tel., No. Faks, E-mail)	
2.	Nama dan alamat agen penghantar (No. Tel., No. Faks, E-mail)	
3.	Nama dan alamat penuh pengeksport (No. Tel., No. Faks, E-mail)	
4.	Nama saintifik/nama botanikal (genus dan spesies) konsainan/komoditi/produk tersebut	
5.	Nama biasa konsainan/komoditi/produk	
6.	Negara asal	
7.	Tempat asal konsainan/komoditi/produk yang ingin diimport (nama penuh dan alamat ladang/nurseri atau sumber konsainan/komoditi/produk tersebut diperolehi/didapati di negara pengeksport)	
8.	Bentuk pengimportan (contoh biji benih/buah segar/anak benih pokok dan lain-lain lagi)	
9.	<i>Genetically modified organism (GMO)/Living Modified Organism (LMO)</i>	
10.	Tarif kod kastam	
11.	Gambar konsainan/komoditi/produk	
12.	Bahan pembungkus konsainan/komoditi/produk	
13.	Ketinggian anak benih pokok (kurang daripada 18 inci) jika berkaitan	
14.	Tujuan pengimportan (makanan manusia/tanam/pemprosesan/makanan haiwan dan lain-lain lagi)	
15.	Kuantiti yang ingin diimport	
16.	Kekerapan pengimportan akan dijalankan setahun	
17.	Pintu masuk di Malaysia	
18.	Kaedah pengangkutan (melalui darat/laut/udara)	
19.	Kaedah pengimportan (kargo/kurier/ <i>hand carry</i>)	
20.	Kaedah penyimpanan konsainan/komoditi/produk sepanjang tempoh pengeksportan	

21.	Jarak (km) dari tempat akhir konsainan disimpan setelah rawatan kuarantin/pembungkusan dijalankan di negara pengeksport sehingga ke pintu keluar dan kaedah pengangkutan	
22.	Alamat akhir gudang/premis penyimpanan di Malaysia (Cth : Kawasan <i>Free Trade Zone</i> , FTZ)	
23.	Bagi tujuan penanaman nama dan alamat penuh tempat tersebut (ladang/nurseri di Malaysia)	
24.	<p>Proses kerja atau carta alir dari peringkat awal sehingga ke proses akhir pengeksportan konsainan/komoditi/produk tersebut di pintu keluar negara pengeksport dan pintu masuk ke Malaysia iaitu :</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Tempat asal konsainan/komoditi/produk tersebut diperolehi di negara pengeksport (ladang/nurseri/kilang/premis/makmal) ● Tempat pengumpulan ● Tempat makmal ● Tempat pemprosesan ● Tempat pembungkusan ● Tempat penyimpanan konsainan/komoditi/produk disimpan sebelum dan selepas rawatan kuarantin di negara pengeksport dijalankan sehingga konsainan/komoditi/produk dihasilkan atau diperolehi di negara pengeksport. ● Sila lampirkan maklumat dan gambar yang berkaitan <p>**sila rujuk Lampiran perkara 24</p>	
25.	Rekod ladang	
26.	Jenis rawatan yang dijalankan ke atas konsainan/komoditi/produk di negara pengeksport	
27.	Tempoh perjalanan (bil. hari) dari tarikh pengeksportan di pintu keluar negara pengeksport sehingga ke tarikh tiba di pintu masuk di Malaysia	
28.	Salinan Kastam K1 – bagi kes yang pernah import sebelum ini.	
29.	Certificate of Origin (COO) – Sijil negara asal	
30.	Salinan sijil Fitosanitasi (Phytosanitary Certificate, PC) dari NPPO pengeksport	
31.	Transit (sila nyatakan negara seterusnya)	
32.	Pengeksportan semula (reexport) (sila nyatakan negara seterusnya)	
33.	Negara Pengimport (selain Malaysia)	


34.	Jabatan Pertanian berhak mendapatkan lain-lain maklumat tambahan yang berkaitan.	
-----	--	--

Nota :

1. Jabatan Pertanian **TIDAK AKAN MEMPROSES** mana-mana permohonan pengimportan tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal yang tidak lengkap diberikan oleh organisasi/pengimport/pengeksport/agen penghantar atau mana-mana individu.
2. Pemohon perlu menghantar **surat permohonan rasmi, borang PRA dan maklumat tambahan untuk tujuan penyelidikan secara hard copy**. Permohonan akan **TERBATAL sekiranya Jabatan Pertanian tidak menerima sebarang maklumat permohonan yang lengkap** dalam tempoh masa **3 bulan** dari tarikh penerimaan borang permohonan.
3. **Tempoh PRA adalah 3 – 24 bulan** bergantung kepada **teknikal dokumen** yang diterima daripada **Pihak Berkuasa Kuarantin Negara Pengeksport (National Plant Protection Organization, NPPO)** dan **maklumat-maklumat tambahan** yang diperolehi daripada **organisasi/pengimport/pengeksport/agen** serta **literature finding**.
4. Kelulusan permohonan pengimportan tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal tertakluk kepada keputusan **Jawatankuasa Analisis Risiko Perosak (Pest Risk Analysis, PRA)**.
5. Jabatan Pertanian akan mengenakan penalti kepada organisasi/pengimport/pengeksport/agen penghantar atau mana-mana individu sekiranya organisasi/pengimport/pengeksport/agen penghantar atau mana-mana individu membatalkan permohonan pengimportan atau apa-apa sebab yang tidak munasabah.
6. Sebarang pertanyaan atau untuk mendapatkan maklumat lanjut, boleh menghubungi talian hotline 03 – 2030 1500 (Unit Kawalan Import & PRA) atau e-mel pradoamy13@gmail.com dan no. faks 03 – 2697 7164. Sebarang surat-menyurat boleh dihantar kepada:

Pengarah,
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan,
Aras 2, Wisma Tani,
Jalan Sultan Salahuddin,
50632 Kuala Lumpur.
(U/P : Ketua Penolong Pengarah, Unit Kawalan Import & PRA)

PERKARA 24 : CONTOH CARTA ALIR



- Sila lampirkan maklumat dan gambar yang berkaitan
- Susunan/ turutan aktiviti ini bergantung kepada proses kerja bagi sesuatu komoditi yang diimport


**MAKLUMAT TAMBAHAN PERMOHONAN PENGIMPORAN BAHAN TANAMAN UNTUK TUJUAN
PENYELIDIKAN**

- 1. Proposal kajian :**
 - a. Tajuk Kajian :
 - b. Objektif Kajian :
 - c. Abstract (huraian ringkas kajian) :
 - d. Project Duration (jangka masa kajian) :
- 2. Methodology (Kaedah kajian)**
- 3. Gantt chart kajian**
- 4. Carta alir pengimportan dan kajian (dilampirkan panduan untuk carta alir)**
- 5. Maklumat (Alamat, Gambar Dll) makmal/nurseri/rumah kaca/premis bagi tujuan :**
 - a. Penanaman
 - b. Analisis
- 6. Prosedur pemusnahan konsainan selepas tamat kajian**

Nota :

1. Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Malaysia akan menjalankan verifikasi makmal/premis untuk memeriksa kemudahan dan keupayaan makmal/premis syarikat pengimport dalam proses menganalisis, mengendalikan pemusnahan dan penyimpanan sampel.


PERKARA 4 : CONTOH CARTA ALIR (DI NEGARA PENGEKSSPORT)



*Sila lampirkan maklumat dan gambar yang berkaitan bagi setiap proses. Proses/carta alir yang sebenar bergantung kepada prosedur di Negara pengeksport.

PERKARA 4 : CONTOH CARTA ALIR (DI MALAYSIA)

Standard Operating Procedure/ Research Protocol oleh Syarikat Pengimport dari Penerimaan Sampel hingga Pemusnahan Sampel



***Sila lampirkan maklumat dan gambar yang berkaitan bagi setiap proses.**

**MAKLUMAT TAMBAHAN PERMOHONAN PENGIMPORAN TANAH UNTUK TUJUAN
PENYELIDIKAN**

- 1. Proposal kajian :**
 - a. Tajuk Kajian :
 - b. Objektif Kajian :
 - c. Abstract (huraian ringkas kajian) :
 - d. Project Duration (jangka masa kajian) :
- 2. Methodology (Kaedah kajian)**
- 3. Gantt chart kajian**
- 4. Carta alir pengimportan dan kajian (dilampirkan panduan untuk carta alir)**
- 5. Maklumat (Alamat, Gambar Dll) makmal/premis bagi tujuan :**
 - a. Analisis
- 6. Prosedur pemusnahan konsainan selepas tamat kajian**

Nota :

1. Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian Malaysia akan menjalankan verifikasi makmal/premis untuk memeriksa kemudahan dan keupayaan makmal/premis syarikat pengimport dalam proses menganalisis, mengendalikan pemusnahan dan penyimpanan sampel tanah.


PERKARA 4 : CARTA ALIR (DI NEGARA PENGEKSPORT)



*Sila lampirkan maklumat dan gambar yang berkaitan bagi setiap proses. Proses/carta alir yang sebenar bergantung kepada prosedur di negara pengeksport.

PERKARA 4 : CARTA ALIR (DI MALAYSIA)

Standard Operating Procedure/Research Protocol oleh Syarikat Pengimport dari Penerimaan Sampel hingga Pemusnahan Sampel



***Sila lampirkan maklumat dan gambar yang berkaitan bagi setiap proses.**

PERMOHONAN TEKNIKAL DOKUMEN DARIPADA NPPO NEGARA PENGEKSPORT

DEPARTMENT OF AGRICULTURE, MALAYSIA

REQUIREMENT FOR PEST RISK ANALYSIS (PRA)

1. The importer or the National Plant Protection Organization (NPPO) of the exporting country must submit a request in writing for permission to import prohibited articles to the Director General of the Department of Agriculture at the following address:

Director General
Department of Agriculture
(Plant Biosecurity Division)
Wisma Tani, Jalan Sultan Sallahuddin
50632 Kuala Lumpur, Malaysia
Telephone: (603)-20301400
Facsimile: (603)-26913550

2. The NPPO of the exporting country must provide all information in English for Pest Risk Analysis (PRA) as follows:

2.1 Complete address of the NPPO with telephone, facsimile and email contact information

2.2 Information about the proposed export **commodity / plants** to Malaysia:

- i) Scientific name
- ii) Taxonomic classification
- iii) Synonyms
- iv) Common name
- v) Variety / cultivar
- vi) Plant part to be exported (e. g. fruit, seeds etc.)
- vii) Proposed end use of the commodity (e.g. propagation, consumption, processing)
- viii) Export destination (other than Malaysia)
- ix) Photographs of the commodity

2.3 Information about the production area:

- i) States, regions, provinces, districts etc.
- ii) Climate description of the production area
- iii) Amount proposed for export
- iv) Area maps

- 2.4 Information about production and cultivation:
- i) Specific pest management, surveillance programs and certification schemes (e.g. survey data / sampling method / accreditation scheme etc.)
 - ii) Product from area officially certified pest free by NPPO
 - iii) Internal legislative restriction (e.g. pest free areas, import control measures / requirements etc.)
 - iv) Production, harvesting method, harvesting period

- 2.5 Information about **pests** associated with proposed export commodity and vectors of the pathogenic agents attacking the crop (refer Table below):

Scientific Name and synonym	Organism type (insect, mite, fungi, bacteria etc.)	Order	Family	Common name	Plant part affected (e.g eggs – on leaves, larvae - on fruits)	Distribution	Reference
Insect - Mites - Fungi - Bacteria - Virus - Nematode - Weed Etc.							

- 2.6 Information about post-harvest management
- i) Packing methods
 - ii) Inspection procedures
 - iii) Post-harvest disinfestations / disinfection treatments
 - iv) Storage condition and security
 - v) Transportation (national and international)
- 2.7 Current Phytosanitary certification procedures (e.g. field inspection, sampling, additional declaration etc.)
- 2.8 Results of PRA which have been carried out in other countries.
- 2.9 Data provided (if possible) to be less than 10 years old and validated / endorsed by NPPO of exporting country.

3. PRA is carried out in accordance with the guidelines of International Standard for Phytosanitary Measures (ISPMs). The process of PRA involves the categorization of pests associated with the commodity into quarantine pests, evaluation of their introduction potential, critical assessment of economic and environmental impact of their introduction potential, critical assessment of economic and environmental impact of their introduction and specification of risk mitigation measures against them.

The completion of PRA may involve a visit of Plant Quarantine officials to the exporting country to evaluate pest managements in production areas, export certification schemes, post-harvest disinfestations / disinfection treatments etc.

4. The importation of prohibited articles may require a visit of Plant Quarantine officials to carry out pre-shipment inspection of prohibited articles in the exporting country for a certain period or throughout the export season.
5. The importer/exporting country will be responsible for all the expenses, which are listed in Appendix A, incurred for/during the visit of Plant Quarantine officials mentioned in para 3 and 4.

**Expenses on Inspection and Supervision of Related Activities by
Plant Quarantine officials for Conducting Pest Risk Analysis
on the Importation of Prohibited Articles**

1. Round trip air fare
2. Daily allowance
3. Accommodation (including breakfast)
4. Miscellaneous
 - Domestic travel (both importing and exporting countries)
 - Passport fee
 - Visa fee
 - Airport fee
 - Communication
 - Vaccination
 - Insurance cost
 - Medical treatment and accidental costs